

## **KONSEP PERBELANJAAN KEPERLUAN ASAS DALAM PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN: KAJIAN TERHADAP PENGAMALANNYA DI MALAYSIA**

*The Concept of Expenditure Basic Needs In Calculation of Zakat Income: A Study of Its Practice In Malaysia*

**Hairon Bin Zainal Abidin**<sup>1\*</sup>  
**Muhammad Noor Habibi Bin Hj Long**<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Calon PhD di Islamic Business School UUM

<sup>2</sup> Profesor Madya di Islamic Business School UUM

\*Corresponding author (Email: [hairon74@yahoo.com](mailto:hairon74@yahoo.com))

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

---

**Abstrak:** Zakat pendapatan dikira setelah jumlah pendapatan ditolak perbelanjaan yang dibenarkan iaitu keperluan asas dan sebagainya. Namun terdapat perbezaan yang agak ketara dalam senarai perbelanjaan keperluan asas yang dibenarkan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Kedah hanya menyenaraikan tiga jenis perbelanjaan sahaja iaitu untuk diri, isteri dan anak-anak. Sedangkan Perlis pula menyenaraikan sepuluh item iaitu termasuk juga pemberian kepada ibubapa, kos perubatan, pendidikan, kediaman, kenderaan, potongan KWSP dan simpanan di Tabung Haji. Manakala negeri-negeri yang lain berada di pertengahan di mana kebanyakannya enam hingga tujuh item. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kajian dokumentasi dan penganalisan melalui kaedah analisis kandungan dengan membuat perbandingan di antara negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini mengguna pakai pendekatan maqasid syariah dalam menilai keperluan yang selari dengan kehendak Islam. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa item yang merupakan keperluan asas pada masa ini telah diabaikan oleh sesetengah negeri. Oleh itu, definisi perbelanjaan untuk keperluan asas perlu dilihat semula oleh agensi-agensi yang berkenaan dengan mengambil kira faktor-faktor semasa yang lebih relevan.

**Kata Kunci:** Zakat Pendapatan, Perbelanjaan Keperluan Asas, Maqasid Syariah

**Abstract:** Zakat income is calculate based on total income after less allowable expenditures, namely basic needs and others permitted. However there is a significant difference in the list of allowances for basic necessities permitted in Malaysia according to the states. Kedah identifies only three types of expenses, namely for individual, wife and kids. Meanwhile, Perlis lists ten items including parental gifts, medical expenses, schooling, lodging, cars, EPF deductions and savings at Tabung Haji. Whereas other states are in the between six to seven items. This study uses a qualitative approach whereas documentation analysis and content analysis which are compare to another states in Malaysia. This study adopts the Maqasid Syariah approach in assessing needs that are in line with Islamic requirements. This study found that, certain states have ignored those things that are essential needs. The definition of expenditure for basic needs therefore needs to be checked by the agencies concerned, taking into account the more applicable current factors.

**Keywords:** *Zakat Income, Expenditures of Basic Needs, Maqasid Syariah*

---

## PENGENALAN

Zakat Pendapatan adalah di antara sumber zakat yang baru dalam masyarakat Malaysia, bahkan di dunia juga. Sebelum ini, yang diketahui hanya zakat fitrah, emas & perak, ternakan, hasil pertanian, perniagaan, galian dan rikaz, kerana disebutkan dengan jelas dalam kitab-kitab rujukan agama khususnya dalam mazhab Syafi'i (Mahmood Zuhdi, 2003; Al-Syarbini, 1995, h.500-543). Namun kini, zakat pendapatan telah diterima pelaksanaannya di kesemua 14 negeri di Malaysia secara berperingkat. Walaupun masih terdapat golongan yang tidak bersetuju dengannya, namun kini kutipannya telah diterima secara meluas dan telah menyumbang hampir 80% jumlah kutipan zakat keseluruhannya (Razali & Muhsin, 2017, h.3) .

Secara ringkasnya zakat pendapatan merujuk kepada semua jenis pendapatan yang diperolehi oleh seseorang daripada tugas pekerjaannya, sama ada bekerja sendiri atau di bawah mana-mana majikan, kerajaan mahupun swasta. pendapatan sebegini dimasukkan dalam kategori *al-mal al-mustafad* (Al-Zuhayli, 1989, h.865-866; Al-Qaradawi, 1994, h.487).

Oleh itu, pendapatan tersebut boleh berupa upah, gaji, ganjaran, hadiah, pampasan atau apa-apa jenis pemberian majikan sebagai balasan perkhidmatan yang diberikan. Sama ada pembayaran tersebut dilakukan mengikut tempoh masa yang tertentu seperti setiap bulan, secara tahunan, mingguan, atau mengikut perjam dan sama ada diberikan semasa masih hidup atau setelah bersara ataupun selepas kematian. Ringkasnya, ia dikenali juga sebagai zakat pengajian, zakat pendapatan ahli profesional atau zakat pendapatan pindahan (Mujaini, 2012, h.32-33).

## KAJIAN LEPAS

Tidak banyak negara yang melaksanakan kutipan zakat pendapatan secara rasmi, setakat ini hanya Malaysia, Indonesia (Portal BAZNAS) dan Sudan (Portal zakat Sudan) sahaja. Negara jiran Singapura (Portal MUIS), Thailand (mstar 11/01/2017) dan Brunei (Portal Brunei) tidak melaksanakannya lagi. Negara-negara arab seperti Kuwait, Jordan, Arab Saudi dan yang lainnya lebih memberikan penumpuan kepada zakat perniagaan berbanding zakat pendapatan (Razali & Muhsin, 2017, h.3).

Sebenarnya, tidak terdapat dalil yang jelas dan tepat mengenai kewajipan zakat pendapatan (Mujaini, 2012, h.92). Tidak seperti zakat pertanian, ternakan, emas dan perak, perniagaan dan galian, semuanya terdapat nas yang jelas dan tepat mengenai pensyariatannya (Al-Syarbini, 1994, h.500-543). Walau bagaimanapun, terdapat petunjuk penting daripada nas-nas syarak yang boleh membawa kepada maksud pensyariatatan zakat pendapatan (Mujaini, 2012, h.93-118).

Namun secara rasionalnya, jika hikmah pengeluaran zakat hasil pertanian, ternakan dan perniagaan itu adalah untuk mensucikan harta dan diri pembayar, adakah penjawat awam dan pekerja sendiri itu terlepas daripada perkara ini? Bahkan jika dilihat realiti hari ini, pegawai kerajaan dan eksekutif swasta dilihat jauh melebihi kekayaannya berbanding dengan petani di kampung-kampung (Mujaini, 2012, h.110).

Meski pun begitu, apa yang penting ialah matlamat pensyariatan zakat itu sendiri adalah untuk mengagihkan kekayaan masyarakat agar tidak ada orang Islam yang tinggal dalam kemiskinan (Afzal, 1994, h.185).

### **Kaedah Pengiraan Zakat Pendapatan**

Tiada nas yang jelas dan tepat menerangkan mengenai zakat pendapatan, kerana itulah ulama berbeza pendapat mengenainya (Mujaini, 2012, h.128). Perbezaan pendapat ini berlarutan dalam semua aspek pengiraan zakat iaitu berapakah kiraan had nisabnya? Adakah ia disyaratkan genap *hawl* setahun? Berapakah kadar zakat yang perlu dikeluarkan? Apakah perbelanjaan untuk keperluan asas boleh dikecualikan daripada pengiraan zakat pendapatan? Jika boleh, bagaimanakah pula ukuran yang perlu digunakan dalam menentukannya?

Sebahagian ulamak seperti Syeikh Muhammad al-Ghazali, berpendapat nisabnya perlulah mengikut zakat pertanian kerana zakat pendapatan diqiaskan daripadanya, di mana jika petani membayar zakat kerana memperolehi hasil daripada tanamannya maka pekerja pula memperolehi pendapatannya daripada pekerjaannya. Tetapi sebahagian yang lain seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi lebih cenderung untuk menggunakan nisab zakat emas dan perak kerana pendapatan yang diterima biasanya berasaskan wang (Mujaini, 2012, h.128).

Mengenai *hawl* pula, sebahagian ulamak seperti Wahbah al-Zuhayli (1989, h.866) dan Al-Qaradawi (1994, h.513) lebih cenderung mengatakan tidak perlu menunggu sehingga genap *hawl*nya setahun, tetapi perlulah dikeluarkan selepas sahaja menerimanya sama seperti zakat pertanian. Namun sebahagian ulamak yang lain tidak menyetujuinya seperti mazhab yang empat, bahkan mengatakan bahawa penentuan syarat *hawl* pada zakat adalah lebih kuat.

Manakala mengenai kadar zakat pendapatan pula, Dr. Wahbah Al-Zuhayli (1989, h.866), Dr. Yusuf al-Qaradawi (1994,519-520) dan lain-lain berpendapat kadarnya itu diqiaskan dengan zakat emas dan perak iaitu sebanyak 2.5%, kerana sifat wang yang digunakan itu mempunyai persamaan dengan dinar dan dirham. Bahkan menepati dengan apa yg ditunjukkan oleh Ibnu Mas'ud, Mu'awiyah dan Umar Bin 'Abd al-'Aziz melalui potongan yang dibuat terhadap pemberian (bayaran) kepada tentera dan pekerja-pekerja yang lainnya. Manakala sebahagian yang lain pula berpendapat ia perlulah mengikuti zakat pertanian iaitu sama ada 5% ataupun 10% daripada hasil pertanian tersebut.

Begitu juga mengenai pengecualian perbelanjaan keperluan asas yang ditolak daripada jumlah pendapatan. Secara umumnya, Dr. Wahbah al-Zuhayli (1994, h.750) mengatakan hanya mazhab Hanafi yang mengetengahkan isu pengecualian tersebut dalam kitab-kitab mereka, bahkan syarat ini terpakai untuk semua jenis zakat yang ada. Buat masa ini Badan Zakat Indonesia (Portal BAZNAS) juga hanya menyediakan kaedah pembayaran *lumpsum* sahaja tanpa menyediakan pengiraan dengan tolakan perbelanjaan yang dibenarkan.

Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah untuk menentukan item keperluan asas tersebut? ini kerana terdapat perbezaan yang agak ketara dalam item keperluan asas yang disenaraikan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Terdapat negeri yang hanya menyenaraikan tiga item sahaja berbanding dengan sepuluh item oleh negeri yang lain, bahkan kebanyakan negeri yang lain menyenaraikan sekitar enam hingga tujuh item. Apakah pertimbangan syarak yang diguna pakai dalam menentukan item keperluan asas itu?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif kerana ia memerlukan penjelasan dan penelitian yang rapi mengenai persoalan kajian (Rohana, 2003). Data akan dikutip berdasarkan kajian dokumentasi, di mana rujukan terpenting kajian ini adalah kitab-kitab turath ulama', buku-buku kontemporari, laman web/portal rasmi institusi zakat, tesis, jurnal dan laporan akhbar yang diterbitkan. Data berkaitan yang dikumpulkan itu akan dianalisis menggunakan analisis kandungan, dimana ia akan dikategori dan disusun secara terperinci mengikut topik-topik tertentu dengan memberikan tumpuan semantik dan hubungan yang signifikan, seterusnya dibuat analisis secara perbandingan. Dalam peringkat ini, bahasa dan istilah yang digunakan dalam klasifikasi adalah amat penting (Mulyana, 2008; Ahmad Munawar & Shahizan, 2017; Sharma, 2011).

## DAPATAN KAJIAN

Kesemua 14 negeri di Malaysia telah menerima pelaksanaan Zakat Pendapatan melalui institusi pungutan zakat masing-masing. Daripada jumlah itu, tujuh negeri memberikan pilihan pembayaran sama ada secara *lumpsum* atau setelah ditolak perbelanjaan yang dibenarkan, iaitu Kedah, Wilayah persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu dan Sarawak. Manakala negeri-negeri yang lain hanya menyediakan kaedah pengiraan zakat dengan tolakan perbelanjaan yang dibenarkan (Web/portal institusi zakat negeri).

Secara umumnya, terdapat sepuluh item telah disenaraikan dalam perbelanjaan yang dibenarkan, iaitu perbelanjaan diri, isteri, anak, pemberian ibubapa, pembiayaan pendidikan, perubatan, kediaman, kenderaan, potongan KWSP serta simpanan di Tabung Haji (Web/portal institusi zakat negeri). Potongan KWSP dikecualikan kerana pembayar zakat tidak lagi mempunyai hak milik yang sempurna terhadap potongan tersebut sehinggalah ia mencapai tempoh matang yang tertentu. Manakala simpanan di Tabung Haji pula dikecualikan kerana ia merupakan institusi yang akan mengeluarkan sendiri zakat pendepositnya, oleh itu zakat tidak akan dikenakan sebanyak dua kali dalam setahun (Fidlizan, *et. al.*, 2016, h.50-51).

Jumlah perbelanjaan yang ditolak paling sedikit ialah Kedah (Portal LZNK) dengan hanya tiga item iaitu perbelanjaan diri, isteri dan anak. Manakala negeri paling banyak senarai potongan pula ialah Perlis (Portal Perlis) iaitu kesemua 10 item. negeri-negeri lain kebanyakannya enam ke tujuh item sahaja seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1 di bawah :

**Jadual 1. Senarai item pengecualian perbelanjaan yang dibenarkan dalam pengiraan zakat pendapatan mengikut negeri-negeri di Malaysia.**

Negeri	Item pengecualian perbelanjaan yang dibenarkan.									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Perlis	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedah	✓	✓	✓	0	0	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	0	0
Perak	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	✓	0
Selangor	✓	✓	✓	0	0	0	✓	✓	✓	0

Wilayah	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	0	✓
Persekutuan										
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	0	0
Melaka	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	0	0
Johor	✓	✓	✓	0	0	✓	0	0	✓	✓
Pahang	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	✓	0
Terengganu	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	0	✓
Kelantan	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	✓	0
Sabah	✓	✓	✓	0	0	✓	✓	✓	✓	0
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	0	✓

Sumber: Web dan Portal institusi zakat negeri-negeri di Malaysia.

1=Diri; 2=Isteri; 3=Anak; 4=Kenderaan; 5=Rumah; 6=Ibu bapa; 7=Tabung Haji; 8= KWSP; 9=Perubatan; 10=Pendidikan

Jadual 1 menunjukkan terdapat item yang dikira sebagai perbelanjaan keperluan asas oleh sesetengah negeri tetapi tidak pula diambil kira oleh sesetengah negeri yang lain. Hal ini mengundang persoalan apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan tersebut? Perbezaan dalam mendefinisikan istilah perbelanjaan keperluan asas tersebut boleh menjadi faktor utama perbezaan tersebut. Oleh itu, adalah amat penting konsep perbelanjaan keperluan asas itu diteliti dan diperhalusi semula.

### **Pengecualian perbelanjaan keperluan asas.**

Perbelanjaan keperluan asas merupakan di antara item yang dikecualikan daripada pengiraan zakat pendapatan menurut sebahagian fiqaha'. Hal ini untuk membezakan dengan orang yang tidak mempunyai kecukupan keperluan asas mereka. Adalah tidak patut apabila seseorang itu memberikan hartanya kepada orang lain tetapi kemudiannya dia pula terpaksa meminta-minta bagi memenuhi keperluannya. Bahkan dengan adanya syarat ini menjadikan seseorang itu membayar zakatnya dengan penuh selesa dan tenang sebagaimana sabda Nabi s.a.w:

“Tunaikanlah zakat hartamu dengan hati yang baik”

(Tabrani, daripada Abu Darda', status dhaif)

Perlu dibezakan antara keperluan manusia dengan keperluan asas manusia, al-Qaradawi (1994, h.152) menyebut demikian kerana keperluan manusia amat banyak dan tidak terhad, bahkan kadang-kadang suatu keperluan sampingan boleh dianggap sebagai suatu keperluan asas. Sebab itu satu penelitian yang munasabah perlulah dilakukan dalam menentukan item keperluan asas tersebut (Afzal-ur-rahman, 1994, h.196). Lebih daripada keperluan asas itu disebut sebagai pendapatan sebenar atau tabungan bersih pembayar zakat (Mujaini, 2012, h.137).

Dalam hal ini, al-Qaradawi (1994, h.517) berpendapat pengecualian tersebut sama seperti dalam konteks zakat pertanian yang ditolak terlebih dahulu perbelanjaan keperluan dan nafkah petani tersebut sebelum pengiraan sebenar dilakukan, ini bertepatan pandangan sebahagian tabi'in seperti 'Ata' dan lain-lain.

### **Dalil pengecualian perbelanjaan keperluan asas.**

Terdapat beberapa dalil yang dikemukakan bagi menyokong pengecualian perbelanjaan keperluan asas daripada dikenakan zakat pendapatan, seperti berikut:

1. Sabda Nabi saw. **إنما الصدقة عن ظهر غني** yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah itu adalah di atas bahu orang yang kaya”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad (no. 7155) dengan sanad yang sahih menurut Syekh Ahmad Syakir dalam takhrijnya (Al-Qaradawi, 1994, h. 154). Hadis yang hampir sama dikeluarkan juga oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya (al-‘Asqalani, 1996, h.46).

Tidak dinafikan bahawa zakat adalah termasuk dalam istilah sedekah, iaitu sedekah yang wajib. Hadis ini menunjukkan bahawa hanya orang yang kaya sahaja dikenakan zakat iaitu mereka yang mempunyai lebih harta daripada keperluan asas mereka (Al-Qaradawi, 1994, h.154).

Apabila Imam al-Bukhari menjadikan lafaz hadis ini sebagai satu tajuk dalam bab zakat, Ibnu Hajar al-‘Asqalani (1996, h. 45-46) memberikan ulasan seolah-olahnya beliau berpendapat bahawa pemberi sedekah (atau zakat) itu dengan orang yang dibawah tanggungannya itu hendaklah tidak mempunyai keperluan lagi terhadap lebih harta tersebut.

2. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 219 :

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka perlu nafkahkan. Katakanlah: "iaitu apa yang berlebihan dari keperluan. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu supaya kamu berfikir”.

(Surah al-Baqarah, ayat 219)

Mengenai perkataan *al-‘afw* dalam ayat tersebut, Ibn ‘Abbas berkata maksud lebih itu ialah lebih daripada keperluan keluargamu (Ibn Kathir, 1993, h. 242). Oleh itu, ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa zakat hanya diwajibkan kepada mereka yang mempunyai lebih pendapatan daripada perbelanjaan diri dan orang yang dibawah tanggungan (Al-Qaradawi, h.154; Mujaini, 2012, h.137). Jika tidak, kata al-Hasan, dibimbangi nanti pemberi sedekah itu pula yang akan duduk mengemis (Ibn Kathir, h. 242).

2. Abu Dawud meriwayatkan sebuah hadis (no. 1688) yang bermaksud :

“Seorang lelaki berkata: Ya Rasulullah, padaku ada satu dinar. Sabda Nabi s.a.w.: Belanjakanlah untuk dirimu. Katanya lagi: Padaku ada satu dinar lagi. Sabda Nabi s.a.w.: Belanjakanlah untuk isterimu. Katanya lagi: Padaku ada satu dinar lagi. Sabda Nabi s.a.w.: Belanjakanlah untuk anakmu. Katanya lagi: Padaku ada satu dinar lagi. Sabda Nabi s.a.w.: Perhati-perhatikanlah, engkau lebih mengetahui”.

Hadis ini menunjukkan bahawa keperluan diri dan ahli keluarga perlulah didahulukan daripada keperluan orang lain (Al-Qaradawi, h.155). Manakala perkataan nafkah yang digunakan dalam hadis ini memberikan juga makna sedekah (Abadi, 1995, h.85; Al-San'ani, t.t., h.627-628).

Walaupun tiada dalil yang khusus daripada Nabi s.a.w. mengenai pengecualian perbelanjaan keperluan asas, namun secara umumnya, dalil-dalil di atas boleh dijadikan panduan untuk menunjukkan wujudnya pengecualian berkenaan.

Oleh itu, seseorang yang telah mempunyai harta yang mencukupi nisab tetapi masih mempunyai keperluan seperti untuk membeli pakaian musim panas/sejuk, atau bekalan makanan setahun, atau hendak membeli buku-buku (jika dia seorang ahli akademik), atau untuk membayar hutang ataupun keperluan-keperluan yang lain, sehingga akan mengurangkan nisab tersebut, maka dia tidak lagi dianggap seorang yang kaya dan tidak diwajibkan zakat (Al-Qaradawi, h.281).

### **HUBUNGAN KEPERLUAN ASAS DENGAN MAQASID SYARIAH**

Konsep perbelanjaan keperluan asas dapat difahami melalui takrifan asal yang disebutkan oleh ulama' Hanafi, seperti kata Ibn Malik iaitu "sesuatu yang dapat menghindari kebinasaan secara langsung, seperti nafkah, kediaman, senjata, pakaian yang sesuai untuk musim panas dan sejuk, atau secara tidak langsung seperti hutang-hutang, peralatan pekerjaan, kelengkapan dan peralatan rumah, kenderaan dan buku-buku bagi ahli akademik. Jika dibuat perbandingan, ia seumpama bekalan air yang sedikit dan hanya dapat menampung keperluan minuman, maka ia perlulah dianggap seolah-olah tidak ada untuk kegunaan yang lain, sehinggakan situasi itu akan mengharuskan untuk tayamum (Al-Qaradawi, 1994, h.152-153; Al-Zuhayli, 1989, h.750).

Secara umumnya, keperluan asas itu terbahagi kepada dua tahap iaitu keperluan tabi'i seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Tahap kedua pula ialah keperluan lazim seperti pendidikan, kesihatan dan kemahiran (Mujaini, 2010, h.138-139). Walau bagaimanapun, al-Qaradawi (1994, h.153) berpandangan bahawa urusan mengenai keperluan asas ini boleh berubah-ubah mengikut perubahan masa dan tempat, maka ia perlu diserahkan kepada golongan pakar dan pihak pemerintah untuk menentukannya.

Manakala maqasid syariah diertikan sebagai tujuan atau rahsia disebalik pensyariaan sesuatu hukum. Di mana pensyariaan hukum itu adalah untuk memenuhi kepentingan manusia melalui pendekatan mendatangkan kebaikan atau menolak kemudaratan. (Mahmood Zuhdi, *et. al.*, 2012, h.1; Al-Zuhayli, 1996, h.1017). Maqasid syariah apabila dilihat dari sudut keutamaannya terbahagi kepada tiga iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tasiniyyat*. *Daruriyyat* bermaksud untuk menjaga kepentingan asas yang tanpanya akan mencacatkan kehidupan manusia. *Hajiyyat* pula bermaksud untuk menjaga keperluan tambahan sama ada untuk memudahkan urusan atau menolak kesulitan. Manakala *tahsiniyyat* pula bermaksud untuk menjaga keinginan menikmati kemewahan dan keindahan dalam hidup. Apa yang penting ialah pengukuran *daruriyyat* dalam menjaga kepentingan asas ditunjukkan melalui penjagaan lima perkara iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan/maruah dan harta (Ibn 'Asyur, 2007, h.76-81; Mahmood Zuhdi, *et. al.*, 2012, h.24-25; Azri bin Bhari, 2016, h.72-78; Al-Zuhayli, 1996, h.1020-1023).

Oleh itu, terdapat hubungan yang amat rapat di antara keperluan asas dengan kepentingan lima perkara dalam maqasid syariah, di mana keperluan asas itu dapat digambarkan oleh keperluan *daruriyyat* dan *hajiyyat* secara selari dan saling melengkapi. sehubungan itu, keperluan makan minum dan peralatan pekerjaan adalah dalam menjaga nyawa. Keperluan senjata, pakaian dan tempat tinggal (termasuk peralatan rumah) adalah dalam menjaga agama, nyawa dan maruah sekaligus. Keperluan pendidikan agama dan buku-buku adalah untuk menjaga agama, akal dan keturunan. Kenderaan dan pendidikan adalah satu keperluan *hajiyyat* yang akan memudahkan pelbagai urusan kehidupan.

Sehubungan itu, dicadangkan agar penetapan item keperluan asas itu dilihat melalui pertimbangan maqasid syariah yang lebih objektif, tepat dan boleh diukur.

### **Keciciran Item Keperluan Asas**

Secara asasnya, kebanyakan institusi zakat di Malaysia menggunakan kadar perbelanjaan yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk membuat pengecualian cukai pendapatan iaitu RM9000 untuk perbelanjaan peribadi, RM3000 untuk isteri dan RM1000 untuk setiap anak. Walau bagaimanapun, tidak semua formula LHDN itu diterima, terdapat perbelanjaan yang tidak pula diambil kira seperti perubatan ibubapa RM5000, keluarga yang cacat RM6000, yuran pendidikan RM5000, pembelian buku RM1000 dan pembelian computer peribadi RM3000 (Razali & Muhsin, 2017, h. 2-3).

Oleh itu, apabila model penentuan item keperluan asas menggunakan kaedah maqasid syariah, didapati sepuluh item yang disenarai oleh institusi zakat negeri telah menepati kehendak syarak. Namun terdapat beberapa kecaciran yang perlu dipertimbangkan semula. contohnya, bagi item di bawah keperluan menjaga agama, perhatian perlulah diberikan agar semua kewajipan khususnya rukun-rukun Islam dapat ditunaikan (al-Zuhayli, h.1021), oleh itu simpanan untuk menunaikan haji perlulah dikecualikan atas nama untuk melaksanakan rukun Islam sama ada di Tabung Haji atau ditempat lain. Pendidikan keagamaan pula boleh diambil kira untuk dijadikan sebagai pendidikan sepanjang hayat.

Bagi item di bawah keperluan menjaga nyawa, pembiayaan kesihatan sepatutnya diterima oleh semua negeri memandangkan keperluan masa kini terhadap perbelanjaan kesihatan dan rawatan penyakit adalah amat diperlukan. Begitu juga dengan bayaran sistem keselamatan kediaman, peralatan *cctv*, perbelanjaan kelas seni mempertahankan diri dan renang sepatutnya boleh dipertimbangan juga.

Bagi item di bawah keperluan menjaga keturunan, perkahwinan merupakan di antara usaha ke arah maksud tersebut, Dr. Mujaini (2012, h.140) pernah mencadangkan agar pengecualian diberikan juga untuk perbelanjaan urusan perkahwinan tersebut. Cuma ia tidak perlu dihadkan sekali seumur hidup dan perlu juga dipertimbangkan agar meliputi mas kahwin, hantaran dan perbelanjaan yang berkaitan. Selain itu, rumah yang sempit juga menyumbang kepada gejala sosial dan perlu ditangani dengan mempertimbangkan agar peruntukan kediaman perlulah dapat menampung rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik tidur.

Bagi item di bawah keperluan *hajiyyat* semasa, perbelanjaan untuk pendidikan boleh diambil kira, sama ada untuk diri sendiri atau orang yang di bawah tanggungannya. Adalah sesuatu yang perlu agar umat Islam keluar daripada masalah buta huruf, buta al-Quran dan kejahilan. Begitu juga pendidikan yang dapat mempertingkatkan ekonomi seperti kemahiran teknik,



vokasional dan sebagainya. Pengurusan keluarga yang kurang upaya, OKU dan pembantu rumah juga boleh dipertimbangkan untuk pengecualian kerana ia telah menjadi suatu keperluan pada masa ini.

## PENUTUP

Melalui kajian ringkas ini, didapati zakat pendapatan telah dapat diterima oleh kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia, bahkan ia telah menjadi penyumbang yang terbesar dalam kutipan zakat keseluruhannya. Manakala model pengiraan zakat pendapatan melalui tolakan perbelanjaan keperluan hidup dianggap telah memberikan keadilan kepada pembayar zakat. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan masih boleh dilakukan agar masalah atau kepentingan pembayar zakat akan lebih menyeluruh. Beberapa kesimpulan dapat diambil daripada perbincangan di atas, iaitu:

1. Pentakrifan mengenai perbelanjaan keperluan asas diinstitusi zakat sepatutnya dibuat dengan lebih teliti dan mengambilkira kehendak maqasid syariah bagi memenuhi keperluan semua pihak.
2. Terdapat beberapa keciciran yang berlaku dalam senarai perbelanjaan keperluan asas di beberapa institusi zakat. Oleh itu, pihak-pihak yang berkenaan perlulah mempertimbangkan semula untuk membuat penyenaian semula keperluan asas berkenaan demi memenuhi keperluan masyarakat, ini selaras dengan kaedah fiqh: *تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة* yang bermaksud: “tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah berpaksi kepada masalah” (Al-Suyuti, 2004, h.278).
3. Pentaksiran mengenai nilai perbelanjaan untuk keperluan asas ini perlulah dibuat pada setiap tahun oleh institusi zakat memandangkan perubahan-perubahan yang kerap berlaku dalam masyarakat dan dalam perkembangan ekonomi semasa yang menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan turut berubah.

Kesimpulannya, penggunaan model maqasid syariah dalam menentukan item keperluan asas dilihat lebih praktikal dan lebih objektif khususnya dalam memenuhi tiga kategori keperluan manusia iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

## RUJUKAN

- Abadi, Muhammad Syams al-Haq. (1995). *‘Awn al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Dawud*. J.5, Bayrut: Dar al-Fikr
- Afzal-ur-ahman. (1994). *Doktrin Ekonomi Islam*. jilid 3. Terjemahan Zaharah Salleh. KL: DBP.
- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2017). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-‘Asqalani, Ibn Hajar. (1996). *Fath al-Bari bi syarh sahih al-Bukhari*. Jilid 4. Bayrut: Dar al-Fikr
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fiqh al-Zakat dirasah muqaranah liahkamiha wa falsafatiha fi daw’ al-quran wa al-sunnah*. Cetakan 22. Jilid 1. Bayrut: Mu’assasah al-risalah.
- Al-San’ani, Muhammad bin Isma’il. (t.t.). *Subul al-Salam syarh bulugh al-maram*. j.2, Bayrut: Dar al-Jayl

- Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. (1995). *Mughni al-Muhtaj ila ma'rifah ma'ani al-faz al-Minhaj*. Jilid 1, Bayrut: Dar al-Fikr
- Al-Suyuti, Jalal al-Din, (2004). *al-Asybah wa al-Naza'ir fi qawa'id wa furu' al-syafi'iyyah*. cetakan kedua. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh Al-Islami wa adillatuh*. cetakan ketiga. Jilid 2. Dimasyq : Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. j.2, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Azri bin Bhari, (2016). *Analisis fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah*. Tesis PhD. KL: Universiti Malaya.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya, Salwa Abdul Majid. (2016). Islam di Malaysia: Tertunaikah bayaran zakat pendapatan? dalam *Malaysian Journal of Society and Space*. 48-60)
- Ibn 'Asyur, Muhammad Tahir bin 'Asyur. (2007). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. cetakan kedua. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, Isma'il ibn al-Khatib. (1993). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. J.1. al-Qahirah: al-Maktabah al-Qayyimah.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mahmood Zuhdi. (2012). Maqasid Syariah: satu pengenalan. Artikel dalam *Maqasid al-Syari'ah*. Suntuingan Mahmood Zuhdi, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz.. Malaysia: Penerbit UIAM.
- Mstar 11/01/2017, Sistem zakat Maips jadi model enam wilayah Thailand. Capaian pada 24/11/2019 di <https://mstar.com.my/lokal/semasa/2017/01/11/sistem-zakat-maips>.
- Mujaini Tarimin. (2012). *Zakat al-Mal al-Mustafad amalan dan pengalaman di Malaysia*. KL:Pusat Pungutan Zakat.
- Mulyana, Deddy. (2008). *Metodologi penelitian kualitatif paradigm baru ilmu komunikasi dan ilmu sosial lainnya* (Cet. 6). Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Portal BAZNAS di <https://baznas.go.id/id/zakat-penghasilan>
- Portal Brunei di <http://kheu.gov.bn/Theme/Home.aspx>
- Portal Johor di [www.maj.gov.my](http://www.maj.gov.my)
- Portal Kelantan di [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my)
- Portal LZNK (Lembaga Zakat Negeri Kedah) di <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat>
- Portal Perlis di [https://maips.gov.my/index.php?option=com\\_sppagebuid&id=69&Itemid=839&lang=ms](https://maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuid&id=69&Itemid=839&lang=ms)
- Portal Melaka di <https://www.izakat.com>
- Portal MUIS di <http://muis.gov.sg/Zakat>
- Portal Negeri Sembilan di [www.zakatns.com.my](http://www.zakatns.com.my)
- Portal Pahang di [www.zakatpahang.my](http://www.zakatpahang.my)
- Portal Perak di [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)
- Portal Pulau Pinang di <https://www.zakatpenang.com>
- Portal Sabah di <https://appszakat.sabah.gov.my>
- Portal Sarawak di <https://www.tbs.org.my>
- Portal Selangor di <https://www.zakatselangor.com.my>
- Portal Terengganu di [www.terengganu.gov.my](http://www.terengganu.gov.my)

Portal Wilayah di <https://www.zakat2u.com.my>

Portal zakat Sudan di <http://zakat>

[chamber.gov.sd/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=17&item=59](http://chamber.gov.sd/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=17&item=59)

Razali Md Jani & Muhsin Nor Paizin. (2017). *Zakat Pendapatan Konsep Hawaii Asliyah Mendasari Perbelanjaan Isi Rumah*. KL: Pusat Pungutan Zakat.

Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS.

Sharma, Jai Narain. (2011). *Research methodology, the discipline and its dimensions* (edisi kedua). New Delhi: Deep & Deep Publications.